

[< Go back to Article Page](#)[Print Article](#)

Ridzuan mahu tunjuk kemampuan

BERITA HARIAN, 26 March 2004, Page 24

## Ridzuan mahu tunjuk kemampuan

### **KEJOHANAN PENCAK SILAT SIJORI**

oleh

**Mohd Sani Ali**

BELIAU telah tampil dalam tiga kejohanan di luar negara termasuk Sukan SEA Vietnam pada Disember tahun lalu.

Malah, beliau juga berjaya membawa pulang pingat perak ketika tampil dalam Terbuka Perancis pada bulan lalu.

Bagaimanapun, ini merupakan kali pertama Mohd Ridzuan Omar berpeluang menunjukkan keupayaan di depan para peminat setempat apabila tampil dalam Kejohanan Pencak Silat Sijori di Pusat Kecemerlangan Persisi dan Perses mulai malam tadi.

“Adalah menjadi harapan saya menunjukkan keupayaan apabila bertanding di depan para peminat setempat.

“Secara peribadi, ini juga merupakan peluang terbaik bagi saya menimba seberapa banyak pengalaman di peringkat antarabangsa untuk meningkatkan mutu persilatan saya,” jelas pelajar Institut Pendidikan Teknikal (ITE) Bedok berusia 19 tahun itu.

Ridzuan disifatkan sebagai antara pesilat skuad pelapis yang mempunyai harapan jika beliau berupaya meneruskan komitmen di peringkat lebih tinggi.

Selain Ridzuan yang tampil dalam Pasukan Singapura 'A', pasangan adik beradik kembar, Sai-fullah dan Saifuddin Mohd Julaimi, yang akan berjuang dalam kelas E dan F, juga ingin menjadikan kejohanan ini sebagai gelanggang meningkatkan mutu persembahan di peringkat antarabangsa.

Seperti kata jurulatih Jasin Salam, yang turut diakui oleh pengurus pasukan, Abdul Rashed Mohd dan penolong, Abdul Rahman Abdul Wahid, kejohanan ini merupakan peluang pesilat muda mempersiapkan diri bagi mengambil alih tempat pesilat senior.

Kejohanan silat yang disertai oleh para peserta dari 11 pasukan, termasuk Johor, Kepulauan Riau dan Singapura ini dirasmikan oleh Speaker Parlimen, Encik Abdullah Tar-mugi.



**SIAP UNTUK BERJUANG:** Pesilat-pesilat daripada Pasukan 'A' Singapura sudah bersedia untuk menunjukkan kemampuan masing-masing di depan para peminat setempat dalam Kejohanan Pencak Silat Sijori di Pusat Kecemerlangan Persisi dan Peres.

**foto Tukiman Warji**